

**DOKUMENTASI
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM
MALAYSIA (PSA)
KALI KE 36 TAHUN 2026**



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



MESYUARAT AGUNG PSA KE - 36

PERSATUAN AKAUNTAN
SEKTOR AWAM MALAYSIA
TAHUN 2026



Perasmian oleh
YBhg. Dato' Zainani binti Jusoh C.A.(M)
Akauntan Negara Malaysia
Penaung PSA



3 APRIL 2026 (JUMAAT)
8.00 PAGI - 1.00 PTG
HOTEL SAMA-SAMA, KLIA
Secara fizikal dan atas talian



IMBAS KOD QR
MEMO PANGGILAN
MESYUARAT AGUNG



KANDUNGAN

Pengisian	M/surat
Notis Mesyuarat Agung PSA Kali ke-36 Tahun 2026	4
Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-35 Tahun 2024	5-21
Laporan Tahunan PSA	
• Pengenalan	22
• Objektif	22
• Carta Organisasi	23-24
• Senarai Jawatankuasa Kecil yang dilantik Ahli Majlis PSA	25-26
• Juruaudit PSA bagi Penyata Kewangan Tahun 2024/2025	27
• Pejabat Pendaftar PSA	27
• Mesyuarat Ahli Majlis Tahun 2025	28
• Laporan Keahlian PSA 2024/2025	29
• Laporan Aktiviti 2024	30-37
• Laporan Aktiviti 2025	38-41
Penyata Kewangan PSA Bagi Tahun Berakhir 2024	42-56
Penyata Kewangan PSA Bagi Tahun Berakhir 2025	57-69
Senarai Pencalonan sebagai Ahli Majlis Baharu	70



PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA
(The Association of Public Sector Accountants, Malaysia)
Didaftarkan di bawah Akta PertubuhanNo.
Pendaftaran 2678 (SEL) 09.04.1980

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PSA

YBhg.Dato'/Datuk/Datin/Dr/Tuan/Puan,

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA) KALI KE – 36 TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, berdasarkan Notis diberi menurut Fasal 7(4) Perlembagaan PSA, PSA akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan PSA Kali Ke-36 Tahun 2026 seperti ketetapan berikut:

Tarikh : **3 April 2026 (Jumaat)**
Masa : **8.00 pagi**
Tempat : **Hotel Sama-Sama, KLIA**
Medium mesyuarat : **Secara fizikal dan atas talian**

3. Sehubungan itu, setiap ahli PSA adalah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ini. Kehadiran peserta adalah berdasarkan 150 orang secara fizikal dan 300 orang secara atas talian yang mendaftar terlebih dahulu.


4. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Dr.Tuan/Puan, maklum balas berkaitan kehadiran ke AGM PSA Ke-36, pencalonan Ahli Majlis PSA dan usul/cadangan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Kehormat selewat-lewatnya pada 13 Mac 2026 dengan melengkapkan butiran di pautan berikut:

<https://forms.gle/yWGPJt1raWntTdaD9>

5. Bersama-sama ini juga disertakan atur cara mesyuarat (Lampiran A) dan juga agenda mesyuarat (Lampiran B) untuk makluman dan perhatian Dato'/Datuk/Datin/Dr.Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“Integrity, Trusworthy, Sustainability”



Setiausaha Kehormat
6 Mac 2026

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-35 TAHUN 2024 PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)

Tarikh	:	11 Oktober 2024
Masa	:	8.30 pagi
Tempat	:	Dorsett Hotel Putrajaya dan Secara Atas Talian
Kehadiran	:	382 orang (Lampiran)

1. UCAPAN ALUAN PRESIDEN PSA

- 1.1 Presiden PSA, Tn. Hj. Ayub Bin Zaidin selaku Pengerusi mesyuarat mengalu-alukan dan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli PSA yang hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kali Ke-35 sama ada secara bersemuka mahupun dalam talian.
- 1.2 Tuan Pengerusi seterusnya memaklumkan bahawa pada mesyuarat hari ini ahli mesyuarat akan memilih tiga (3) Ahli Majlis PSA yang baharu bagi menggantikan Ahli Majlis yang bersara dan dua (2) orang Juruaudit. Sehubungan itu, Tuan Pengerusi berharap ahli mesyuarat mengambil kira aspek pengalaman, kompetensi serta calon yang difikirkan dapat memberi tumpuan untuk menggerakkan PSA sebagai sebuah persatuan yang menaungi akauntan sektor awam keseluruhannya.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) KE-34

Minit Mesyuarat Agung Tahunan PSA Ke-33 telah dicadang untuk disahkan oleh Encik Sivanesan N. Ragayan dari JANM Selangor dan disokong oleh Puan Shabibah Bachok dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan pindaan pada senarai kehadiran ahli.

3. PEMBENTANGAN LAPORAN TAHUNAN PSA BAGI TAHUN 2023

Mesyuarat mengambil maklum laporan tahunan telah diedarkan kepada semua ahli secara *softcopy*. Mesyuarat seterusnya mengambil maklum berhubung pembentangan Laporan Tahunan PSA bagi Tahun 2023 oleh Setiausaha Kehormat PSA seperti berikut:

3.1 Laporan Mesyuarat Ahli Majlis

- i. Fasal 8(9), Perlembagaan PSA memperuntukkan Ahli Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun.
- ii. Mesyuarat mengambil maklum, bagi tempoh 1 September 2023 hingga 30 September 2024, sebanyak empat (4) Mesyuarat Ahli Majlis telah diadakan iaitu pada tarikh-tarikh seperti berikut:

Mesyuarat Bilangan 1/2024	:	4 hingga 6 Februari 2024
Mesyuarat Bilangan 2/2024	:	23 hingg 25 Ogos 2024
Mesyuarat Bilangan 3/2024	:	Belum dilaksanakan
Mesyuarat Bilangan 4/2024	:	Belum dilaksanakan

- iii. Setiausaha maklumkan, selain mesyuarat Majlis di atas, PSA turut menubuhkan Jawatankuasa mengikut keperluan aktiviti dan mesyuarat yang berasingan dilaksanakan.

3.2 Laporan Keahlian PSA

- i. Mesyuarat mengambil maklum sehingga 30 September 2024, keahlian PSA yang aktif adalah seramai 1,302 orang.
- ii. Mesyuarat mengambil maklum komposisi keahlian seperti berikut:

AGENSI	2020/2021	2021/2022	2022/2023	2023/2024
Ibu Pejabat JANM	232	282	239	329
JANM Negeri/Cawangan	102	182	198	201
Kementerian	479	470	517	513
Bendahari Negeri	26	16	33	40
Badan Berkanun Persekutuan	90	84	101	118
Badan Berkanun Negeri	32	41	49	61
Pihak Berkuasa Tempatan	19	26	31	40
SUK Negeri	-	15	0	0
Universiti Awam	-	2	0	0
Jumlah	980	1,118	1,168	1,302

3.3 Laporan Aktiviti-aktiviti PSA

3.3.1 Aktiviti-aktiviti yang telah dianjurkan oleh PSA bagi sesi 2023 adalah seperti berikut:

i. Taklimat PSA Kepada Akauntan Yang Baharu Lapor Diri

Biro Komunikasi bertanggungjawab untuk memberi taklimat mengenai PSA Malaysia kepada akauntan-akauntan yang baru melapor diri di Jabatan Akauntan Negara Malaysia semasa sesi induksi pegawai.

ii. Kolaborasi Bersama JANM Bagi Penganjuran SAGA Agency Government Conference 2023

Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA Malaysia) dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menganjurkan SAGA Government Agencies Conference 2023 (SeGAC 2023) bertemakan objektif SAGA iaitu “*Digital Intelligence & Innovations: Engender Sustainable Value Creation*”. Persidangan yang telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia telah berjaya menarik seramai 497 delegasi. Sebanyak 6 sesi telah dibentangkan dengan topik-topik yang menarik oleh 10 orang penceramah jemputan serta 3 moderator telah berkongsi ilmu dan pengalaman.

iii. Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim Pusat Jagaan Al-Yakin, Sandakan, Sabah

Program Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim Pusat Jagaan Al-Yakin, Sandakan telah diadakan pada 31 Mac 2023 (Jumaat) bertempat di The Square Event Space Sandakan, Blok B, Lot 1, Bandar Labuk Square, Mile 9, Sandakan, Sabah. Program ini diadakan bertujuan untuk menyantuni anak-anak yatim di bulan Ramadhan yang mulia dan juga untuk memupuk ukhuwwah islamiah dikalangan ahli PSA Zon Sabah. Program ini juga merupakan kolaborasi bersama dengan Kelab Sukan & Kebajikan (KESAN) JANM Cawangan Sandakan yang merupakan urusetia bagi pelaksanaan majlis ini.

iv. Taklimat Kesedaran Kepentingan Pengurusan Cukai Kepada Pembayar

Taklimat Kesedaran Kepentingan Pengurusan Cukai Kepada Pembayar Individu telah diadakan dengan kerjasama JANM Negeri Sabah dan Unit Pendidikan Cukai, Lembaga Hasil Dalam Negara (LHDN) Kota Kinabalu pada 5 April 2023

bertempat di Bilik Mesyuarat JANM Negeri Sabah dan secara atas talian. Sasaran taklimat berkenaan adalah kepada Akauntan sektor awam serta pegawai di JANM Negeri Sabah. Melalui taklimat berkenaan, pegawai menyedari betapa pentingnya pengurusan cukai yang teratur. Sebarang pertanyaan mengenai cukai dari pegawai juga telah berjaya dijawab dengan baik oleh pihak LHDN.

v. Lawatan Kerjaya Halatuju Bidang Perakaunan Kepada Pelajar MRSM Kota Kinabalu

Lawatan Kerjaya Halatuju Bidang Perakaunan telah diadakan kepada Maktab Rendah Sains Mara Kota Kinabalu pada 25 Mei 2023 dengan kerjasama JANM Negeri Sabah. Seramai 30 orang pelajar termasuk guru hadir pada lawatan kerjaya berkenaan. Program berkenaan juga melibatkan semua ahli PSA di JANM Negeri Sabah bagi memberi pandangan dan sokongan dalam bidang perakaunan sektor awam. Setiap peserta dapat berinteraksi dengan ahli PSA dan mendapat gambaran bagi meneruskan pilihan kerjaya dalam bidang perakaunan.

vi. Program Derma Darah JANM Sabah

Oleh kerana sambutan menggalakkan pada Program Derma Darah sebelum ini, satu lagi Program Derma Darah telah diadakan di JANM Negeri Sabah pada 9 Jun 2023. Program tersebut dianjurkan bersama oleh PSA Malaysia Zon Sabah, KKDS JANM Negeri Sabah, Unit Transfusi Darah HQE 2, Pertubuhan Komuniti Penderma Darah Malaysia, Sabah Thalassaemia Society, Pertubuhan Komuniti Penderma Darah Malaysia dan Bank Rakyat Likas. Program ini juga berbesar hati telah dirasmikan oleh mantan Akauntan Negara Malaysia, Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa. Penderma darah yang berjaya bagi program tersebut adalah seramai 60 orang.

vii. Program “Groom, Boom Your Image”

Program “Groom, Boom Your Image” bersama Yang Berbahagia Datuk Wira Hajjah Radhuana Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Putra Specialist Hospital Melaka Sdn Bhd telah diadakan di Grand Hibiscus Ballroom, Hotel Swiss Garden, Melaka pada 26 Mei 2023. Program ini adalah anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan (KESAN) Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Melaka bersama PSA. Program ini disertai oleh pegawai dari JANM Negeri Johor dan JANM Negeri Sembilan, Pusat Tanggungjawab, Agensi, Bank serta Badan Berkanun Kerajaan di sekitar Negeri Melaka. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Pengarah JANM Negeri Melaka iaitu Puan Shabibah binti Bachok.

viii. Program Pertandingan Bowling Piala Pengarah JANM Negeri Melaka

Kejohanan Boling Piala Pengarah Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Melaka telah dilaksanakan penganjurannya buat kali kedua yang telah diadakan pada 10 Jun 2023 di Melaka International Bowling Centre (MIBC) Melaka. Program ini adalah anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan (KESAN) Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Melaka bersama PSA Zon Selatan dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLIBB). Program ini disertai oleh pegawai dari JANM Negeri Johor dan JANM Negeri Sembilan, Pusat Tanggungjawab, Agensi, Bank serta Badan Berkanun Kerajaan di sekitar Negeri Melaka. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Exco Belia dan Sukan Kerajaan Negeri Melaka, Yang Berbahagia Tuan P. Shanmugam A/I V. Pitchay.

ix. Program Bicara Inspirasi PSA

PSA Malaysia telah menganjurkan sesi Bicara Inspirasi PSA: Sesi Perkongsian Bersama YBhg. Dato' Mohd. Azizi bin Mohd Zain pada 9 Mac 2023 yang dilaksanakan secara hibrid iaitu bersemuka di Dewan Serbaguna JANM Aras 7 dan secara maya. Program ini merupakan satu platform perkongsian pengetahuan dan pengalaman dari tokoh atau individu yang dikenal pasti bertujuan untuk meningkatkan pembangunan diri akauntan sektor awam dan seterusnya memberi impak yang baik kepada profesion akauntan di Malaysia. Seramai 166 peserta telah mengikuti sesi perkongsian pengalaman dari YBhg. Dato' Mohd. Azizi bin Mohd Zain yang merupakan akauntan pertama yang pernah dilantik menjawat jawatan Datuk Bandar Petaling Jaya, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Selayang dan Ketua Pegawai Eksekutif PKNS.

x. **CIPFA Public Finance 2023**

Seramai 45 delegasi Malaysia termasuk 4 orang urus setia daripada PSA Malaysia telah menghadiri CIPFA Public Finance Live 2023 yang berlangsung dari 27 sehingga 28 Jun 2023 di Queen Elizabeth II Centre, London. PSA Malaysia telah menyelaraskan penyertaan yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, Jabatan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi untuk bersama-sama hampir 700 delegasi dari serata dunia hadir ke persidangan tahunan tersebut.

xi. **Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) Bersama UiTM Sarawak**

Program CSR Bersama IPTA Tahun 2023 diadakan pada 11 Mei 2023 bagi memperkenalkan kerjaya sebagai Akauntan di sektor awam khasnya Akauntan yang dilantik di bawah Ketua Perkhidmatan Akauntan Negara Malaysia kepada mahasiswqtahun akhir program Diploma / Ijazah perakaunan di UiTM Sarawak bagi membantu mereka merancang perjalanan kerjaya mereka setelah tamat pengajian.

Program ini dihadiri oleh 300 peserta melibatkan 235 orang mahasiswa dan 65 orang Pensyarah dan kakitangan pentadbiran UiTM Sarawak. Seramai 20 orang Ahli PSA Zon Sarawak turut terlibat sebagai urusetia dan penceramah semasa program berlangsung. Bagi tujuan meningkatkan motivasi para mahasiswa yang hadir, program ini turut memberikan pengiktirafan kepada Pelajar Terbaik Diploma Perakaunan dan Pelajar Terbaik Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dimana hadiah disumbangkan oleh PSA.

xii. **Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) Bersama SMK Bau, Kuching, Sarawak**

Program CSR bersama institut pendidikan tahun 2023 diadakan pada 22 Jun 2023 di SMK Bau bagi meningkatkan motivasi dan menanam minat pelajar-pelajar aliran perakaunan di SMK Bau bagi menceburi bidang kerjaya sebagai Akauntan di sektor awam. Pendedahan berkenaan fungsi dan bidang tugas sebagai Akauntan sektor awam telah diberikan kepada seramai 300 pelajar SMK Bau. Program ini turut dihadiri para guru dan kakitangan pentadbiran sekolah SMK Bau. Seramai 20 orang Ahli PSA Zon Sarawak turut terlibat sebagai urusetia dan penceramah semasa program berlangsung. Bagi tujuan meningkatkan motivasi para mahasiswa yang hadir, program ini turut memberikan pengiktirafan kepada Pelajar Terbaik Aliran Perakaunan dimana hadiah disumbangkan oleh PSA.

xiii. Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) Bersama SMK Merapok, Lawas, Sarawak

Program PSA ini dilaksanakan pada 11 Julai 2023 dengan memperkenalkan fungsi Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan menerangkan bidang tugas akauntan di dalam perkhidmatan awam kepada warga sekolah menengah terutamanya pelajar yang akan menduduki SPM pada tahun 2023 dan mengambil subjek perakaunan. Program ini akan berjaya dilaksanakan dengan memberi pendedahan yang lebih jelas terhadap hala tuju pelajar aliran perakaunan terutamanya selepas SPM khususnya yang berkaitan dengan pengajian di universiti dan kerjaya yang melibatkan latar belakang perakaunan.

Program ini dihadiri seramai 223 pelajar sekolah dan 15 orang guru SMK Merapok, Lawas. Program ini dilaksanakan dengan jayanya oleh 6 orang ahli PSA Zon Sarawak. Bagi tujuan meningkatkan motivasi para mahasiswa yang hadir, program ini turut memberikan pengiktirafan kepada Pelajar Terbaik Aliran Perakaunan dimana hadiah disumbangkan oleh PSA.

xiv. Program Pembinaan Ukhuwah Insaniah Madani (PPIUM), JANM

PSA juga telah menghantar wakil ke PPIUM yang diadakan pada 15 dan 16 Julai 2023 di IPN Sabak Bernam sebagai tanda sokongan kepada program-program anjuran JANM. Seramai 10 orang Ahli Majlis dan keluarga telah menyertai program ini. PSA turut memberikan sumbangan sebanyak RM8,000 bagi menjayakan program ini.

xv. Kejohanan Bowling Piala Akauntan Negara Malaysia (ANM)

Kejohanan Bowling Piala ANM anjuran PERPENA dengan kerjasama PSA, PERBAKTI dan Bank Islam telah diadakan pada 11 Mac 2023 di Ampang Superbowl Bangi, Bangi Gateway, Selangor. PSA telah menghantar enam (6) pasukan bagi menyertai kejohanan tersebut iaitu pasukan ARMY, 4 Rangers, PSA 2, RM2N, Kasa Berbisa dan LLC. Pasukan ARMY dan 4 Rangers masing-masing mendapat tempat ke-2 dan ke-4 manakala En Yuhasnan dari pasukan ARMY telah dinobatkan sebagai Best Bowler Lelaki. PSA turut memberikan sumbangan sebanyak RM3,600 bagi menjayakan kejohanan ini.

xvi. Kursus Bahasa Pujangga

Kursus Bahasa Pujangga telah diadakan pada 31 Mac 2023 bertujuan untuk membantu peserta mempelajari tatacara penggunaan bahasa pujangga dalam pengucapan awal selain memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan bagi urusan rasmi dalam perkhidmatan awam seperti yang terkandung di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2020. Kursus ini disampaikan oleh Puan Ahtijah binti Sulaiman seorang Personel MYSTEP berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Pengajian Melayu Universiti Malaya dan kini berkhidmat di JANM Negeri Selangor. Kursus yang diadakan secara hybrid di JANM Negeri Selangor ini telah dihadiri seramai 88 orang peserta iaitu 35 orang secara bersemuka dan 53 orang peserta secara atas talian yang terdiri daripada Ahli Majlis PSA, Ahli PSA Zon Tengah dan warga JANM Negeri Selangor. Kos perbelanjaan bagi kursus ini adalah sebanyak RM1,000 merangkumi bayaran elaun penceramah, makan dan minum serta cenderahati kepada penceramah dan peserta. Antara input yang diperoleh oleh peserta sepanjang kursus adalah proses lengkap penyediaan dokumen rasmi bermula dari peringkat pra penulisan, penulisan dan pasca penulisan. Peserta didedahkan dengan tatacara dan teknik menyediakan surat rasmi, memo, teks ucapan dan penulisan emel yang merupakan instrumen utama dalam proses komunikasi dalam organisasi. Sebagai kesimpulan, kemahiran penyediaan dokumen rasmi pengurusan yang berkesan adalah kemahiran penting bukan sahaja bagi pegawai sokongan bahkan pegawai di peringkat atasan juga. Kemahiran ini wajar dikuasai oleh semua bagi menjamin kecekapan proses kerja, penjimatan masa dan tenaga, serta memberi kesan kepada reputasi dan imej profesional organisasi.

xvii. Kursus Asas Pengenalan Kepada Sukan Golf Di Akademi Kemahiran Belia Golf dan Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA)

Kursus Asas Pengenalan Kepada Sukan Golf ini telah diadakan pada 3 Ogos 2023 bertujuan memupuk minat dalam kalangan Akauntan di sector awam terhadap sukan golf. Selain itu, kursus ini juga menggalakkan para Akauntan untuk terlibat secara aktif dalam sukan golf setara dengan Pegawai Pengurusan dan Profesional dalam skim perkhidmatan yang lain. Kursus ini telah dilaksanakan di dua lokasi iaitu di Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG), Bukit Kiara dan Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA), Bukit Kiara. Terdapat lima slot latihan yang telah dilaksanakan seperti pengenalan asas golf, swing practice menggunakan simulator, Aktiviti Putting, latihan di driving range dan latihan di green. Selain itu, dua pertandingan mini telah dijalankan dan empat peserta terbaik telah dipilih bagi kategori pemain terbaik di green dan putter terbaik. Kursus ini telah dihadiri oleh sembilan belas (19) peserta yang terdiri daripada Ahli Majlis PSA dan Ahli PSA di JANM Negeri Selangor, JANM Negeri Perak, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian

Dalam Negeri, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan Hospital Tengku Ampuan Jemaah. Semua aktiviti dan latihan pula dikendalikan oleh empat orang tenaga pengajar daripada AKBG. Kos keseluruhan kursus adalah sebanyak RM3,965.00 yang merangkumi perbelanjaan yuran tenaga pengajar, makan dan minum, sewaan driving range dan cenderamata peserta. Kursus ini telah meningkatkan kemahiran para peserta bukan sahaja tentang teknik asas permainan golf tetapi ia juga membentuk perwatakan dan sahsiah seseorang untuk sentiasa berkelakuan jujur di padang golf serta meningkatkan kesihatan fizikal dan mental pemain.

xviii. Aktiviti Biro Komunikasi PSA Malaysia Tahun 2023

PSA telah meningkatkan usaha dan komited dalam mempromosikan PSA kepada Akauntan sektor awam serta menyalurkan maklumat persatuan dengan imej yang lebih manpan, terkini serta professional. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah langganan platform Airmeet, penerbitan poster siaran dan multimedia, Facebook PSA, Youtube PSA Instagram PSA serta yang terkini adalah Telegram PSA.

- 3.3.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa bagi pegawai akauntan yang belum mendapat kelayakan profesional, PSA akan berkolaborasi dengan Institut Perakaunan Negara kepada ahli-ahli PSA dengan mewar-warkan mengenai program yang ditawarkan oleh pihak IPN termasuk pelbagai Sijil Pentauliahan terutama berkenaan dengan MPSAS. Selain itu, PSA juga memaklumkan bagi akauntan yang telah mendapat sijil profesional, terdapat perbincangan dengan pihak JANM dan pelbagai cadangan telah diusulkan kepada pihak JANM.

4. PEMBENTANGAN LAPORAN PENYATA KEWANGAN PSA BAGI TAHUN 2023

4.1 Mesyuarat mengambil maklum mengenai pembentangan Laporan Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan PSA oleh Bendahari Kehormat. Penyata Kewangan ini telah diaudit oleh Encik Aliff Kamaruddin selaku Juruaudit Dalam yang telah dilantik semasa AGM ke-34 yang lalu.

4.2 Bendahari memaklumkan secara keseluruhannya kedudukan kewangan sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

Jumlah Aset	RM2,280,948.24
Jumlah Pendapatan	RM1,293,719.99
Jumlah Perbelanjaan	RM1,311,637.59
Lebihan Prestasi Kewangan	(RM17,917.60)

4.3 Bendahari Kehormat juga maklumkan pada tahun 2023 terdapat beberapa aktiviti utama yang telah menyumbang kepada lebihan yang tinggi keseluruhannya seperti Persidangan SEGAC dan juga Persidangan CIPFA di London.

4.4 Mesyuarat mengambil maklum terdapat simpanan tetap sebanyak 1,900,000.00 yang menyumbang kepada jumlah aset yang tertinggi yang disimpan di Bank Rakyat dan juga Bank Islam. Kadar faedah bagi simpanan tetap ini adalah mengikut kepada kadar faedah yang diterima oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia sendiri.

4.5 Mesyuarat dimaklumkan bahawa, Bendahari Kehormat memohon agar ahli PSA mengemaskini maklumat keahlian dengan PSA terutamanya mengemaskini alamat email peribadi dan bukannya email rasmi Jabatan.

5. CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN / LAIN-LAIN USUL

5.1 USUL TIDAK MELIBATKAN PERLEMBAGAAN

Usul 1:

Mohon penganjuran persidangan lebih kerap pada setiap tahun

Maklumbalas:

Terdapat dua (2) persidangan yang dianjurkan secara giliran iaitu Persidangan *Saga Government Agensi Conference* (SEGAC) dan juga Persidangan Akauntan Sektor Awam Malaysia (NAPSAC).

Usul 2:

Program/ seminar/ webinar bersama IPSAS board / CIPFA berkaitan perkembangan terkini perakaunan sektor awam dan *lesson learnt* bagi meningkatkan pengetahuan akauntan-akauntan di sektor awam terutamanya yang berkaitan perakaunan aset yang banyak memerlukan profesional judgement seperti AUC, aset infrastruktur, aset hidup dan lain – lain.

Maklumbalas:

PSA akan mengambil kira dalam perancangan aktiviti tahun 2025.

Usul 3:

Mengadakan aktiviti sukan air seperti scuba diving, water rafting, berkayak, sebagai acara tahunan PSA

Maklumbalas:

PSA merasakan ianya tidak sesuai dilaksanakan kerana ianya lebih kepada persatuan KESAN.

Usul 4:

Keahlian AJK kecil / ahli biro kecil PSA dibuka secara meluas kepada semua akauntan melalui edaran emel/whatsapp dan lain-lain bagi membuka peluang akauntan yang berada di serata malaysia memberi sumbangan kepada PSA. Hal ini mengambil kira perkembangan teknologi yang membolehkan akauntan bekerjasama dari mana-mana lokasi tanpa terhad kepada pejabat ahli majlis semata-mata.

Maklumbalas:

Setiap PSA Zon dan Biro telah melantik AJK kecil yang berada di dalam kawasan/seliaan Zon tersebut. Ahli PSA di zon lain tidak boleh menjadi AJK kecil kepada zon lain.

Usul 5:

Mohon PSA buat pencerahan mengenai kesan pekeliling SSPA yang baru terhadap skim akauntan. Mohon PSA menyemak kandungan SSPA berkaitan skim perakaunan bagi memastikan kebajikan skim W terbela dan tidak terjejas.

Maklumbalas:

Perkara ini akan dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Perakaunan & Pengurusan, JANM.

Usul 6:

Mohon PSA untuk adakan pemotongan secara bulanan bagi yuran keahlian sebanyak RM2 sebulan.

Maklumbalas:

PSA telah memohon sebelum ini namun ianya tidak diluluskan oleh JANM.

Usul 7:

Setiap aktiviti PSA kalau boleh melibatkan penyertaan negeri seperti daripada Bendahari Negeri

Maklumbalas:

Bendahari Negeri merupakan ahli PSA diperingkat Zon berkenaan dan telah dilibatkan dalam setiap program dan aktiviti peringkat Zon tersebut.

Usul 8:

Mohon PSA untuk memperbanyakkan aktiviti-aktiviti PSA yang boleh disertai oleh ahli PSA

Maklumbalas:

PSA mengambil maklum dan aktiviti telah dipertingkatkan disetiap zon/biro.

Usul 9:

Mohon kerjasama dari PSA untuk berhubung semula status mengenai kaedah pelaksanaan *time based* akauntan.

Maklumbalas:

Perkara ini telah dimasukkan dalam resolusi PSA kepada Kementerian Kewangan sebelum ini.

5.2 USUL MELIBATKAN PINDAAN PERLEMBAGAAN

PERLEMBAGAAN ASAL	PINDAAN PERLEMBAGAAN	KEPUTUSAN MESYUARAT
<p>Fasal 7 : Mesyuarat Agung</p> <p>(3) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Persatuan hendaklah diadakan secepat yang mungkin atau dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh Mesyuarat Agung tahunan terakhir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Ahli Majlis</p>	<p>(3) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Persatuan hendaklah diadakan secepat yang mungkin atau dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh Mesyuarat Agung tahunan terakhir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Ahli Majlis dan juga secara dalam talian</p>	<p>Mesyuarat bersetuju dengan pindaan ini.</p>
<p>Fasal 7 : Mesyuarat Agung</p> <p>PROSEDUR PENGUNDIAN:</p> <p>(1) Pemilihan Ahli Majlis hendaklah dibuat melalui undian dengan mengangkat tangan (show of hands) di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.</p>	<p>PROSEDUR PENGUNDIAN:</p> <p>(1) Pemilihan Ahli Majlis hendaklah dibuat melalui undian dengan mengangkat tangan (show of hands) dan secara undian poll melalui online di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.</p>	<p>Mesyuarat bersetuju dengan pindaan ini seperti berikut:</p> <p><i>dan/atau apa-apa kaedah yang ditetapkan oleh Ahli Majlis.</i></p>
<p>Fasal 8 : Jawatankuasa</p> <p>(1) Ahli Majlis terdiri daripada dua puluh (20) ahli di mana sebelas (11) ahli adalah dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan</p> <p>(2) Ahli Majlis yang dipilih melalui Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah memegang jawatan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seorang (1) Presiden 	<p>(1) Ahli Majlis terdiri daripada dua puluh dua (22) ahli di mana sebelas (11) ahli adalah dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan</p> <p>(2) Ahli Majlis yang dipilih melalui Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah memegang jawatan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seorang (1) Presiden 	<p>Mesyuarat bersetuju dengan pindaan ini.</p>

<ul style="list-style-type: none"> - Seorang (1) Timbalan Presiden - Seorang (1) Setiausaha Kehormat - Seorang (1) Bendahari Kehormat - Tujuh (7) orang Ahli Majlis Biasa <p>(4) Komposisi penuh Ahli Majlis hendaklah sekurang-kurangnya diwakili daripada tujuh (7) negeri yang berbeza</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Seorang (1) Timbalan Presiden - Seorang (1) Setiausaha Kehormat - Seorang (1) Bendahari Kehormat - Sembilan (9) orang Ahli Majlis Biasa <p>(4) Komposisi penuh Ahli Majlis hendaklah sekurang-kurangnya diwakili daripada tujuh (7) negeri yang berbeza, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatab (PBT)</p>	
<p>Fasal 8: Jawatankuasa</p> <p>Ahli Majlis boleh melantik seorang ahli biasa sebagai Penolong Setiausaha Kehormat dan/atau Penolong Bendahari Kehormat. Tugas dan tanggungjawab Penolong Setiausaha Kehormat dan/atau Penolong Bendahari Kehormat akan ditentukan oleh Ahli Majlis</p>	<p>Ahli Majlis boleh melantik sekurang-kurangnya seorang ahli biasa sebagai Penolong Setiausaha Kehormat dan/atau Penolong Bendahari Kehormat. Tugas dan tanggungjawab Penolong Setiausaha Kehormat dan/atau Penolong Bendahari Kehormat akan ditentukan oleh Ahli Majlis.</p>	<p>Mesyuarat bersetuju dengan pindaan ini.</p>
<p>Fasal 10: Kewangan Penambahan klausa baharu</p>	<p>Persatuan dengan persetujuan Ahli Majlis dibenarkan untuk membuat pembiayaan dengan institusi kewangan berdaftar di Malaysia pada kadar maksimum RM3 juta</p>	<p>Mesyuarat bersetuju dengan pindaan ini.</p>
<p>Fasal 11: Juruaudit</p> <p>(1) Dua orang dalam kalangan ahli biasa hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit. Juruaudit yang dilantik akan memegang jawatannya sehingga dia meletakkan jawatan atau Mesyuarat</p>	<p>(1) Dua orang dalam kalangan ahli biasa hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit. Juruaudit yang dilantik akan memegang jawatannya sehingga dia meletakkan jawatan atau Mesyuarat</p>	<p>Mesyuarat bersetuju dengan pindaan ini.</p>

<p>Agung Tahunan yang akan datang.</p>	<p>Agung Tahunan yang akan datang. Sekiranya berlaku kekosongan Juruaudit pada bila-bila masa, Juru Audit baharu boleh dilantik daripada senarai calon yang mendapat undian tertinggi pada Mesyuarat Tahunan sebelumnya</p>	
----------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--

6. PERSARAAN AHLI MAJLIS

6.1 Mesyuarat mengambil maklum seramai tiga (3) orang Ahli Majlis akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan PSA ke-34 kerana telah mencapai tempoh maksimum empat tahun berturutan sebagai Ahli Majlis sepertimana peruntukan di bawah Fasal 8(7) Perlembagaan PSA. Ahli Majlis tersebut adalah seperti berikut:

- i. Puan Murniyati Binti Ramli;
- ii. Encik Mohd Azizi Bin Mohd Aspar; dan
- iii. Encik Patrick Majatig.

6.2 Pengerusi mesyuarat mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Majlis yang bersara pada hari ini di atas sumbangan khidmat bakti yang diberikan kepada PSA.

7. PEMILIHAN AHLI MAJLIS BAHARU

7.1 Mesyuarat mengambil maklum terdapat seramai 10 orang calon yang telah bersetuju menerima cadangan pencalonan untuk dipilih sebagai Ahli Majlis. Ahli-ahli mesyuarat yang hadir telah melaksanakan pengundian secara *show of hand* dan keputusan pengundian adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	No. Ahli	Undian
i.	Rajendran A/L Arjunan	1666	215
ii.	Gloria Angela James Noah	402	184
iii.	Ruzinah Binti Rukun	350	177
iv.	Ahmad Jawab Abd Karim	1626	156
v.	Rasdi Ali Hanafiah	732	154
vi.	Tajudin Bin Ahmad	1164	146

vii.	Muhammad Yusri Bin Abd Majid	1043	146
viii.	Murniyati Binti Ramli	1112	143
ix.	Normalina Binti Ramli	727	105
x.	Susie Anak Ambin	1497	90

7.2 Pengerusi seterusnya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan Encik Rajendran A/L Arjunan, Puan Gloria Angela James Noah dan Puan Ruzinah Rukun yang telah dipilih sebagai Ahli Majlis PSA bagi penggal berikutnya.

8 PELANTIKAN JURUAUDIT


Mesyuarat seterusnya menerima dua (2) pencalonan dan bersetuju sebulat suara dengan cadangan melantik dua (2) orang juruaudit bagi penyata kewangan tahun 2024 iaitu seperti berikut:

Bil.	Nama	No. Ahli
i.	Encik Ahmad Jawad Abd Karim	1626
ii.	Encik Rasdi Ali Hanafiah	732

9 PENANGGUHAN MESYUARAT


Pengerusi mesyuarat telah menangguhkan Mesyuarat Agung Tahunan ke-35 pada jam 11.00 pagi dengan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli PSA yang hadir serta mengharapkan agar Ahli Majlis serta semua ahli PSA terus komited dalam menjayakan inisiatif dan program-program anjuran PSA pada masa akan datang.

Disediakan oleh:



MUHAMMAD NASZMAN BIN BUKHARI
Penolong Setiausaha
Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA)

Disemak oleh:



MOHD AZIZI BIN MOHD ASPAR
Setiausaha Kehormat
Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA)

Disahkan oleh:



HAJI AYUB BIN HAJI Z Aidin
Presiden
Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA)

LAPORAN TAHUNAN PSA

PENGENALAN

Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) atau *The Association of Public Sector Accountants, Malaysia* didaftarkan di bawah Seksyen 7, Akta Pertubuhan 1966 pada 9 April 1980.

Bermula dari asas penubuhannya yang sebelum ini dikenali sebagai PERASAMA serta setelah melalui fasa penjenamaan semula, usia PSA kini mencapai 46 tahun perjalanan yang penuh bermakna. Sepanjang kewujudannya, PSA terus komited sebagai sebuah persatuan yang menaungi akauntan sektor awam di Malaysia.

OBJEKTIF



CARTA ORGANISASI PSA 2024/2025

PENAUNG

YBhg. Dato' Zainani Binti Jusoh C.A.(M)
Akauntan Negara Malaysia

PRESIDEN

Hj. Ayub Bin Hj Zaidin C.A.(M)

TIMBALAN PRESIDEN

Gloria Angela James Noah
C.A.(M), CPA (Aust), CPFA (UK)

SETIAUSAHA KEHORMAT

Ruzinah binti Rukun C.A.(M), CPA (M)

BENDAHARI KEHORMAT

Hifzul Hafiz bin Amran C.A.(M), CPA (Aust)

PENOLONG SETIAUSAHA

**Muhammad Naszman
bin Bukhari**
Azliana Azlin binti Lamakasauk C.A.(M)

PENOLONG BENDAHARI

Nur Hazirah binti Mazlan C.A.(M)
Nurul Asfizah binti Atan C.A.(M)

JAWATANKUASA

BIRO KEAHLIAN

Rajendran A/L Arjunan
C.A.(M), CGMA, ACMA, CPFA (UK)
CMP (JANM)
Noorifaida binti Subehi
C.A.(M), ACCA

BIRO PROFESIONAL

Dr Ahmad Shukri bin Abdul Gani
C.A.(M), CPA (Aust), CPFA (UK)

BIRO KOMUNIKASI

Roziwaty binti Junaidi
C.A.(M), FCCA
Mohd Maulud bin Sukaimi
C.A.(M)

BIRO EKONOMI

Mohd Nazi bin Mat Yusoff C.A.(M)
Rohanis binti Omar
C.A.(M), ACMA, CGMA

BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

Syalinna Majid C.A.(M)
Rasifah binti Ibrahim
C.A.(M)

ZON TENGAH

Ruheila Afzan binti Musa
C.A.(M), CGMA, ACMA, CPFA (UK)

ZON UTARA

Mohd Amran bin
Abd Ghani C.A.(M), CPA (M)

ZON SELATAN

Rahmad Julkifli bin Mohd Ali
C.A.(M), CPA (Aust), CPFA (UK)

ZON TIMUR

Mazlan bin Muda
C.A.(M), CPA (M)

ZON SARAWAK

Zainuddin bin Manaf
C.A.(M), CGMA, ACMA

ZON SABAH

Mohd Azizi bin Mohd Aspar
C.A.(M), CPA (Aust)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL YANG DILANTIK AHLI MAJLIS PSA

BIL.	NAMA	JAWATANKUASA
1	Muhammad Naszman bin Bukhari	Penolong Setiausaha 1
2	Azliana Azlin binti Lamakasauk	Penolong Setiausaha 2
3	Nur Hazirah binti Mazlan	Penolong Bendahari 1
4	Nurul Asfizah binti Atan	Penolong Bendahari 2
5	Khairudin bin Ali	AJK Kecil Biro Ekonomi
6	Norhafida binti Zaini	
7	Sunani binti Sanusi	
8	Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali	AJK Kecil Biro Kebajikan & Sosial
9	Nur Izyan binti Manaf	
10	Roziana binti Mohd Dahlan	
11	Noorazah binti Abd Aziz	
12	Fatihah binti ishak	
13	Nor Hidayah binti Hamid	AJK Kecil Biro Keahlian
14	Normalina binti Ramli	
15	Norfashiha binti Mohd Afendi	
16	Nur Diyana binti Musa	AJK Kecil Biro Profesional
17	Aliff Haikal bin Kamaruddin	AJK Kecil Biro Komunikasi
18	Muhamad Hadi bin Harith	
19	Siti Noor Engriani binti Hj Abu	
20	Nurfarahin binti Yahaya	
21	Rohayu Isma binti Ramli@Ahmad	
22	Ropizah binti Yasin	AJK Kecil Zon Utara
23	Nor Diyana binti Mohd Ibrahim Merican	
24	Mohd Rusidan bin Ishak	
25	Mushida binti Che Rus	
26	Muhamad Haris Badrin bin Azmi	
27	Fakhri bin Abdul Rahman	AJK Kecil Zon Timur
28	Aris bin Isa	
29	Aidil Khairi bin Azmi	
30	Siti Zainab binti Ismail	
31	Sofiana binti Osman	
32	Ng Peik See	AJK Kecil Wakil Zon Sabah
33	Nur Izzah Amiesha binti Aband Mostapha	
34	Anisa binti Atiffin	
35	Nik Arifah Binti Nik Ghaffar	

BIL.	NAMA	JAWATANKUASA
36	Nizam bin Limun	AJK Kecil Wakil Zon Sabah
37	Masniah binti Laganing	
38	Mirnowati binti Syaripuddin	
39	Siti Noorhawa binti Omar	AJK Kecil Wakil Zon Sarawak
40	Hazellenny Hafiza Binti Haji Hazemi	
41	Haslindawati Binti Cuki	
42	Dayang Fairuzrizan binti Mohd Omar	
43	Azizah Binti Onn	
44	Shahnaz bin Abd Salam	AJK Kecil Wakil Zon Tengah
45	Sivanesan N Ragayan	
46	Mahinder Singh A/I Joginder Singh	
47	Fakhariyah Najwa binti Daud	
48	Muhammad Iqmal bin A Manap	
49	Nurshahira Natasha binti Pawira	
50	Muhammad Ikram bin Abdul Karim	Pentadbir Portal PSA

JURUAUDIT PSA BAGI PENYATA KEWANGAN TAHUN 2024 & 2025

**AHMAD JAWAD BIN ABD KARIM
BAHAGIAN AKAUN, KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**ENCIK RASDI ALI HANAFIAH
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

PEJABAT BERDAFTAR

**d/a Jabatan Akauntan Negara
Malaysia, Kompleks Kementerian
Kewangan
No. 1 Persiaran
Perdana Presint 2
62594 PUTRAJAYA
Email: councilpsa@anm.gov.my**

MESYUARAT AHLI MAJLIS 2025

Bagi tempoh 01 Januari hingga 31 Disember 2025, sebanyak empat (4) kali Mesyuarat Ahli Majlis telah diadakan iaitu pada tarikh-tarikh seperti berikut:

Mesyuarat Bilangan 1/2025	-	10 Januari 2025
Mesyuarat Bilangan 2/2025	-	19 April 2025
Mesyuarat Bilangan 3/2025	-	4 Mei 2025
Mesyuarat Bilangan 4/2025	-	2 Julai 2025

Kehadiran ke mesyuarat Majlis PSA sepanjang tempoh tersebut seperti berikut:

AHLI MAJLIS		KEHADIRAN
1	Tn. Hj. Ayub bin Hj.Zaidin C.A.(M)	4/4
2	Pn. Gloria Angela James Noah C.A.(M), CPA (Aust), CPFA (UK)	4/4
3	Pn. Ruzinah binti Rukun C.A.(M), CPA (M)	4/4
4	En. Hifzul Hafiz bin Amran C.A.(M), CPA (Aust.)	4/4
5	Pn. Syalinna Majid C.A.(M)	4/4
6	Pn. Rasifah binti Ibrahim C.A.(M)	4/4
7	En. Mohd Nazi bin Mat Yusoff C.A.(M)	4/4
8	Dr. Shukri bin Abdul Gani C.A.(M), CPA (Aust), CPFA (UK)	4/4
9	En. Rajendran A/L Arjunan C.A.(M), CGMA, ACMA, CPFA (UK), ACPA CMP (JANM)	4/4
10	Pn. Rohanis binti Omar C.A.(M), CGMA, ACMA	4/4
11	Pn. Roziwaty binti Junaidi C.A.(M), FCCA	4/4
12	En. Maulud bin Sukaimi C.A.(M)	4/4
13	Pn. Noorifaida binti Subehi C.A.(M), ACCA	4/4
14	En. Mohd Azizi bin Mohd Aspar C.A.(M), CPA (Aust)	4/4
15	En. Zainuddin bin Manaf C.A.(M), CGMA, ACMA	4/4
16	En. Amran bin Abd Ghani C.A.(M), CPA (M)	4/4
17	En. Mazlan bin Muda C.A.(M), CPA (M)	4/4
18	En. Rahmad Julkifli bin Mohd Ali C.A.(M), CPA (Aust), CPFA (UK),	4/4
19	Pn. Ruheila Afzan binti Musa C.A.(M), CGMA, ACMA, CPFA (UK)	4/4

LAPORAN KEAHLIAN PSA 2024/2025

a) Bilangan Keahlian PSA

Sehingga 31 Disember 2025, keahlian PSA yang aktif adalah seramai 1,388 orang.

b) Komposisi Keahlian PSA

AGENSI	2020/2021	2021/2022	2022/2023	2023/2024	2024/2025
<i>Ibu Pejabat JANM</i>	232	282	239	329	333
<i>JANM Negeri/Cawangan</i>	102	182	198	201	221
<i>Kementerian</i>	479	470	517	513	552
<i>Agensi Kerajaan Negeri</i>	26	33	33	40	43
<i>Badan Berkanun Persekutuan</i>	90	84	101	118	135
<i>Badan Berkanun Negeri</i>	32	41	49	61	62
<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	19	26	31	40	42
Jumlah	980	1,118	1,168	1,302	1,388

**LAPORAN AKTIVITI TAHUN 2024
PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM
MALAYSIA (PSA)**

BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

TAYANGAN MOVIE PERDANA PSA

PSA telah menganjurkan Program Tayangan *Movie* Khas Takluk Lahad Datu yang diinspirasikan dari kisah benar di GSC IOI City Mall pada 21 September 2024. Seramai 208 peserta telah menyertai program tersebut. Perbelanjaan kos tiket tayangan telah dibiayai bersama dengan rakan strategik iaitu MBSB Bank Sdn Bhd.

BIRO PROFESIONAL

1. PERSIDANGAN CIPFA PUBLIC FINANCE

Seramai 31 orang delegasi dan empat (4) orang sekretariat daripada PSA Malaysia telah menghadiri CIPFA Public Finance Live 2025 yang berlangsung dari 10 hingga 11 Julai 2024 di Manchester, United Kingdom. PSA telah menjadi penyelaras bagi penyertaan daripada Kementerian, Jabatan, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga agensi yang akan menyertai peserta lain daripada serata dunia hadir ke persidangan tahunan tersebut.

Persidangan ini dianjurkan bertujuan untuk memperkasakan pemahaman terhadap isu-isu semasa yang relevan serta meluaskan kolaborasi strategik melalui pemantapan jaringan perhubungan di peringkat global.

2. NAPSAC INTERVARSITY CHALLENGE: EKSPLORASI PIAWAIAN PERAKAUNAN ISLAM SEKTOR AWAM

PSA buat julung kalinya telah menganjurkan NAPSAC Intersivity Challenge: Eksplorasi Piawaian Perakaunan Islam Sektor Awam sempena Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan (NAPSAC) Ke-31. Pertandingan ini telah diadakan pada 29 hingga 30 Julai 2024 dengan kerjasama Institut Perakaunan Negara (IPN), Jabatan Wakaf, Zakat dan haji (JAWHAR), Pusat Pungutan Zakat (PPZ) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

ianya telah disertai oleh 12 orang peserta daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan juga Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Pertandingan ini telah memberikan pendedahan terhadap perkembangan dan amalan terkini dalam bidang perakaunan sektor awam di Malaysia khususnya mengenai Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk diguna pakai oleh Institut Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia.

3. PERSIDANGAN *NATIONAL PUBLIC SECTOR ACCOUNTANTS CONFERENCE* (NAPSAC)

Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan (NAPSAC) Ke-31 Tahun 2024 telah diadakan di Hotel Hatten, Melaka pada 5-7 Ogos 2024 dengan menyenaraikan seramai 608 orang peserta terdiri daripada akauntan awam persekutuan, kerajaan negeri, universiti tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga agensi serta telah dirasmikan oleh YB Puan Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Kewangan II.

Persidangan ini telah mendapat sokongan dari 10 rakan strategik iaitu Maybank Berhad, Bank Muamalat (M) Berhad, Censof Sdn Bhd, MBSB Bank Berhad, Bank Islam (M) Berhad, CIMB Bank Berhad, *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)*, *American Institute of Certified Public Accountants (AICPA)*, *Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)*, *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)* dan Bank Simpanan Nasional Berhad.

ZON UTARA

PROGRAM PEMBERSIHAN DAN PENGINDAHAN PULAU SONGSONG

Program ini telah dilaksanakan pada 20 Julai 2024 bertempat di Pulau Songsong, Pulau Telur dan Pulau Bidan. Seramai 10 orang peserta PSA yang hadir dan ianya turut dijayakan bersama Kelab Jururawat Hospital Pulau Pinang.

Aktiviti ini secara tidak langsung telah menjadi platform pembelajaran mengenai penjagaan alam sekitar, khususnya dalam meningkatkan kesedaran untuk mengurangkan penggunaan plastik melalui amalan kitar semula. Selain itu, aktiviti ini turut meningkatkan imej positif PSA melalui komitmen yang ditunjukkan terhadap tanggungjawab sosial kepada alam sekitar.

ZON TIMUR

1. BUAL BICARA ‘HARTA PUSAKA’ BERSAMA MANTAN TIMBALAN AKAUNTAN NEGARA (KORPORAT), YBHG DATO’ HAJI ZAMIMI BIN HAJI AWANG

PSA Zon Timur Negeri Pahang dengan kerjasama Kelab Sukan & Kebajikan JANM (KESAN) Pahang telah mengadakan Program Bual Bicara ‘Harta Pusaka’ bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 10, Wisma Persekutuan Pahang pada 26 Jun 2024 dan disampaikan oleh Mantan Timbalan Akauntan Negara Korporat iaitu YBhg. Dato’ Haji Zamimi bin Haji Awang. Seramai 55 orang hadir termasuk Akauntan PSA Negeri Pahang. Antara pengisian program adalah berkaitan hal-hal harta pusaka, tanggungjawab dan perkara penting yang perlu diketahui sekiranya berlaku kematian yang akan melibatkan pembahagian harta pusaka. Selain itu, ianya adalah sebagai platform untuk meningkatkan ilmu pengetahuan kepada pegawai yang hadir untuk lebih cakna berkaitan harta pusaka.

2. SESI PERJUMPAAN BERSAMA AKAUNTAN NEGERI PAHANG

PSA Zon Timur Negeri Pahang telah mengadakan sesi perjumpaan bersama Akauntan Negeri Pahang seurus selepas Majlis Perjumpaan Pengarah Bersama Pegawai Perakaunan Negeri Pahang yang diadakan pada 4 Julai 2024 di Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS).

Seramai 15 orang akauntan yang hadir bagi menyertai sesi ini, yang bertujuan sebagai platform perkongsian idea dan pandangan dalam usaha memajukan profesion akauntan sektor awam, selaras dengan hasrat ANM untuk melahirkan lebih ramai akauntan bertauliah yang memiliki sijil profesional.

Selain itu, perbincangan turut diadakan bagi merangka aktiviti serta hala tuju PSA Zon Timur, khususnya bagi Negeri Pahang secara lebih terancang dan berkesan.

3. PROGRAM PSA BOWLING TERENGGANU FUN TIME

Program ini telah diadakan pada 8 Ogos 2024 dan dihadiri oleh 15 orang peserta yang terdiri daripada ahli dalam kalangan akauntan yang berkhidmat di Jabatan Akauntan Negara Negeri Terengganu, Pusat Tanggungjawab serta Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu. Selepas program tersebut, turut diadakan sesi perkongsian ringkas berkaitan pengenalan kepada Piawai Perakaunan Islam, khususnya bagi ahli PSA yang tidak berkesempatan menyertai NAPSAC.

Ahli PSA turut disarankan agar sentiasa bergiat aktif dalam menyokong program yang dianjurkan oleh PSA serta menyumbang idea ke arah pemerkasaan organisasi. Program ini bertujuan untuk merapatkan hubungan dalam kalangan akauntan agar dapat bergerak seiring ke arah matlamat yang sama, tanpa mengira perbezaan tempat bertugas.

Di samping itu, program ini juga dapat meningkatkan imej dan persepsi positif terhadap akauntan sektor awam sebagai golongan profesional yang bukan sahaja cemerlang dalam penyampaian perkhidmatan, malah aktif dalam aktiviti sukan.

4. PROGRAM PSA TERENGGANU SEMANGAT JIWA MERDEKA DAN KIBAR JALUR GEMILANG

Program Semangat Jiwa Merdeka dan pengibaran Jalur Gemilang turut dilaksanakan serentak sempena Program PSA *Bowling Fun Time* pada 8 Ogos 2024. Program ini bertujuan untuk memupuk semangat cintakan tanah air, meningkatkan semangat kebangsaan serta menyemai nilai patriotisme dalam kalangan ahli PSA.

5. MAJLIS KUNJUNGAN HORMAT UiTM KAMPUS KOTA BAHARU KE JANM NEGERI KELANTAN

